

## TERMA DAN SYARAT KEMPEN GANJARAN PENGELOUARAN FLEXICREDIT

(Tarikh Berkuat Kuasa: 9 Disember 2024)

### 1. Umum

- 1.1 Kempen Ganjaran Pengeluaran FlexiCredit ("Kempen") dianjurkan oleh GX Bank Berhad ("GXBank") dan akan berlangsung dari **9 Disember 2024** hingga **31 Januari 2025** (termasuk kedua-dua tarikh) atau sebaik sahaja Had Maksimum (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 4.2 di bawah) dicapai, atau tempoh lain yang mungkin ditentukan oleh GXBank mengikut budi bicara mutlaknya dengan notis terlebih dahulu ("Tempoh Kempen").
- 1.2 Dengan menyertai Kempen, anda bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Kempen Ganjaran Pengeluaran FlexiCredit ("Terma dan Syarat") (yang boleh dipinda/dikemas kini dari semasa ke semasa) dan mengakui bahawa sebarang keputusan yang dibuat oleh GXBank mengenai Kempen adalah muktamad dan mengikat.
- 1.3 Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan [Terma dan Syarat yang Mentadbir Produk dan Perkhidmatan Perbankan Runcit](#), [Terma Penggunaan GXBank](#), serta [Terma Perkhidmatan Grab](#).

### 2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu GXBank ("Pelanggan yang Layak" atau "anda") yang mempunyai akaun simpanan dengan GXBank ("Akaun GX") dan yang mempunyai had FlexCredit yang aktif.
- 2.2 Individu berikut tidak layak menyertai Kempen:
  - (a) Pelanggan yang Akaun GX telah ditamatkan, ditutup, digantung, dianggap tertunggak atau sebaliknya tidak memuaskan seperti yang ditentukan oleh GXBank semasa Tempoh Kempen;
  - (b) individu yang tidak sihat dari segi mental, meninggal dunia, diadili muflis atau mempunyai sebarang prosiding undang-undang yang dimulakan terhadap mereka;
  - (c) individu di bawah umur dua puluh satu (21) tahun atau ke atas umur enam puluh empat (64) tahun;
  - (d) individu yang menganggur, suri rumah, pelajar atau pesara; dan/atau
  - (e) individu yang mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada RM1,500.
- 2.3 Walau apa pun peruntukan lain dalam Terma dan Syarat ini, Pelanggan yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa GXBank telah menetapkan Had Maksimum (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 4.2 di bawah) pada Ganjaran Kempen. GXBank berhak untuk menamatkan Kempen dan menghentikan Ganjaran Kempen sebaik sahaja Had Maksimum dicapai. GXBank tidak diwajibkan untuk memaklumkan Pelanggan yang Layak apabila Had Maksimum dicapai.

### 3. Kriteria Kelayakan

- 3.1 Untuk melayakkan diri untuk Ganjaran Kempen yang digariskan dalam Klaus 4.1 di bawah, Pelanggan yang Layak mesti memenuhi kriteria berikut semasa Tempoh Kempen ("**Kriteria Kelayakan**"):
- (a) anda mesti mempunyai Akaun GX sedia ada dalam kedudukan yang baik;
  - (b) anda mesti mempunyai akaun Grab sedia ada dalam kedudukan yang baik pada masa kelayakan (iaitu selepas pengeluaran berjaya dan memenuhi kriteria Pengeluaran Minimum);
  - (c) anda mesti mempunyai had FlexiCredit yang aktif;
  - (d) anda mesti telah melengkapkan pengeluaran minimum sebanyak RM5,000 atau lebih daripada had FlexiCredit anda dalam satu pengeluaran ("**Pengeluaran Minimum**"); dan
  - (e) Anda mesti membuat bayaran balik bulanan pertama anda untuk pengeluaran pada atau sebelum tarikh pembayaran balik pertama.\*

*\*Nota: Jika tarikh pengeluaran dan tarikh pembayaran balik bulanan tidak jatuh pada tarikh yang sama, anda akan dikenakan faedah hari ganjil sekali sahaja ("Bayaran Pertama (ODI)"). Sila ambil perhatian bahawa Bayaran Pertama (ODI) tidak dianggap sebagai bayaran balik bulanan pertama anda, kerana ia hanya meliputi faedah dan tidak termasuk sebarang pembayaran balik prinsipal. Untuk memenuhi Kriteria Kelayakan, bayaran balik bulanan pertama anda, yang mesti merangkumi kedua-dua prinsipal dan faedah, mesti dibuat pada atau sebelum tarikh pembayaran balik yang dijadualkan.*

### 4. Ganjaran dan Mekanik Kempen

- 4.1 Pelanggan yang Layak yang memenuhi Kriteria Kelayakan yang digariskan dalam Klaus 3.1 di atas semasa Tempoh Kempen akan layak menerima Ganjaran Kempen berikut.

| Ganjaran Kempen  | Kelayakan & Pengkreditan Ganjaran Kempen  |
|--|---|
| <b>Baucar Grab bernilai RM60</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 4x Baucar Diskaun GrabFood RM5</li> <li>• 4x Baucar Diskaun GrabMart RM5</li> <li>• 2x Baucar Diskaun Pembayaran Dalam Talian GrabPay RM10</li> </ul><br>(secara kolektif, " <b>Baucar Grab</b> ") | <p><b>Kelayakan Ganjaran Kempen</b></p> <p>Pelanggan yang Layak boleh menerima Ganjaran Kempen <b>sekali</b> semasa Tempoh Kempen, dengan syarat Had Maksimum (seperti yang ditakrifkan dalam Klaus 4.2) belum dicapai.</p> <p><b>Pengkreditan Ganjaran Kempen</b></p> <p>Ganjaran Kempen akan dikreditkan ke akaun Grab Pelanggan yang Layak dalam Aplikasi Grab mereka pada akhir bulan berikutnya selepas Pelanggan yang Layak berjaya memenuhi Kriteria Kelayakan yang digariskan dalam Klaus 3.1 di atas.</p> <p>Dalam kes luar biasa, pengkreditan Ganjaran Kempen mungkin mengambil masa sehingga dua (2) bulan.</p> |

4.2 Ganjaran Kempen terhad kepada 15,000 Pelanggan Layak pertama yang memenuhi Kriteria Kelayakan seperti yang dinyatakan di bawah Klausu 3.1 di atas semasa Tempoh Kempen berdasarkan siapa cepat dia dapat ("**Had Maksimum**"). GXBank tidak diwajibkan untuk memaklumkan Pelanggan yang Layak apabila Had Maksimum dicapai.

4.3 Berikut ialah ilustrasi kelayakan untuk menerima Ganjaran Kempen.

| Ilustrasi  | Kelayakan Ganjaran Kempen   |
|--|---|
| <b>Pelanggan A</b>   |   |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengguna Aplikasi Grab dan pemegang Akaun GX</li> <li>- Membuat pengeluaran sebanyak RM5,000 dan membayar balik ansuran bulanan pertama tepat pada masanya</li> </ul>           | Pelanggan A <b>layak</b> menerima Ganjaran Kempen.  |
| <b>Pelanggan B</b>   |   |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bukan pengguna Aplikasi Grab, tetapi pemegang Akaun GX</li> <li>- Membuat pengeluaran sebanyak RM6,000 dan membayar balik ansuran bulanan pertama tepat pada masanya</li> </ul> | Pelanggan B <b>tidak layak</b> untuk Ganjaran Kempen kerana tidak mempunyai akaun Grab.   |
| <b>Pelanggan C</b>   |   |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengguna Aplikasi Grab dan pemegang Akaun GX</li> <li>- Membuat pengeluaran sebanyak RM3,000 dan membayar balik ansuran bulanan pertama tepat pada masanya</li> </ul>           | Pelanggan C <b>tidak layak</b> untuk Ganjaran Kempen kerana pengeluaran adalah di bawah syarat Pengeluaran Minimum sebanyak RM5,000.                            |
| <b>Pelanggan D</b>   |   |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengguna Aplikasi Grab dan pemegang Akaun GX</li> <li>- Membuat pengeluaran sebanyak RM5,000 tetapi tidak membuat atau lewat membayar ansuran bulanan pertama</li> </ul>        | Pelanggan D <b>tidak layak</b> untuk Ganjaran Kempen kerana Pelanggan D tidak membuat bayaran balik pertama/lewat membayar balik bayaran balik bulanan pertama. |

4.4 Baucar Grab sah selama 60 hari dari tarikh pengeluaran dan tertakluk kepada mana-mana terma dan syarat Baucar Grab tambahan yang mungkin terpakai ("**Terma Baucar Grab**"). Sekiranya terdapat sebarang peranggahan antara Terma dan Syarat ini dan Terma Baucar Grab, Terma Baucar Grab akan diutamakan.

4.5 Pelanggan yang Layak boleh menebus dan menggunakan baucar GrabFood dan GrabMart menggunakan Akaun GX, Kad GX atau Dompet GrabPay yang dipautkan sebagai kaedah pembayaran. Walau bagaimanapun, Baucar Pembayaran Dalam Talian GrabPay hanya boleh digunakan dengan GrabPay sebagai kaedah pembayaran.

- 4.6 Mana-mana Baucar Grab yang tidak ditebus dalam tempoh penebusan 60 hari yang ditetapkan akan dibatalkan. Jika Baucar Grab anda telah dibatalkan, anda tidak berhak mendapat sebarang bayaran, pampasan atau penggantian dalam bentuk wang tunai atau sebaliknya, walau apa pun sebarang tuntutan tidak menerima Baucar Grab. Tiada pelanjutan tempoh penebusan yang ditetapkan sedemikian akan dibenarkan. Penebusan dan penggunaan Baucar Grab adalah tertakluk kepada terma dan syarat lain yang mungkin dikenakan oleh Grab. Dengan menggunakan Baucar Grab, anda bersetuju dengan terma dan syarat yang dikenakan oleh Grab.
- 4.7 Pelanggan yang Layak hendaklah menerima Baucar Grab dalam "keadaan sedia ada", yang bermaksud dalam keadaan semasa tanpa sebarang pengubahsuaian atau penambahbaikan dan tertakluk kepada Terma Baucar Grab. Grab dan GXBank tidak membekalkan barang dan perkhidmatan yang berkaitan dengan baucar, dan tidak membuat representasi atau jaminan mengenai kebolehdagangan atau kesesuaian barang dan perkhidmatan yang sepadan dengan Baucar Grab.
- 4.8 Jika GXBank kemudiannya mendapati bahawa Pelanggan yang Layak tidak layak untuk Ganjaran Kempen atau jika terdapat kesilapan dalam pengkreditan atau pemberian Ganjaran Kempen, GXBank berhak untuk menolak untuk mengkreditkan, atau meminda, membetulkan, melaraskan, atau menuntut semula Ganjaran Kempen. Ini mungkin termasuk mendebitkan jumlah yang setara daripada Akaun GX Pelanggan yang Layak (termasuk kedua-dua Akaun Utama dan mana-mana Poket Simpanan). Jika baki dalam Akaun GX Pelanggan yang Layak tidak mencukupi untuk menampung jumlah Ganjaran Kempen, Pelanggan yang Layak mesti segera membayar balik GXBank untuk jumlah tersebut atas permintaan.
- 4.9 GXBank berhak untuk (a) membatalkan kelayakan Pelanggan yang Layak daripada menyertai Kempen, (b) menolak untuk mengkreditkan atau membatalkan pengkreditan Ganjaran Kempen, atau memotong/mendebitkan jumlah yang bersamaan dengan Ganjaran Kempen daripada Akaun GX Pelanggan yang Layak (termasuk kedua-dua Akaun Utama dan mana-mana Poket Simpanan), dan/atau (c) mengambil apa-apa tindakan lain yang perlu, termasuk tindakan undang-undang, terhadap Pelanggan yang Layak jika:
  - 4.9.1 GXBank menentukan bahawa Pelanggan yang Layak tidak mematuhi Terma dan Syarat ini atau Terma dan Syarat yang Mentadbir Produk dan Perkhidmatan Perbankan Runcit GXBank;
  - 4.9.2 Pelanggan yang Layak didapati atau disyaki mengganggu Kempen atau prosesnya, termasuk sebarang aktiviti aktiviti penipuan yang melibatkan ketidakjujuran atau pembohongan;
  - 4.9.3 terdapat operasi atau penggunaan Akaun GX atau akaun FlexiCredit Pelanggan yang Layak yang tidak teratur atau tidak wajar;
  - 4.9.4 Pelanggan yang Layak terlibat dalam tindakan penipuan atau tidak jujur, atau berkelakuan dengan niat jahat untuk mendapatkan kelebihan yang tidak adil ke atas GXBank, rakan kongsi atau pembekal perkhidmatannya; dan/atau

4.9.5 apa-apa peristiwa berlaku yang memberi GXBank hak untuk menggantung atau menamatkan mana-mana atau semua produk atau perkhidmatannya, seperti yang digariskan dalam Terma dan Syarat yang Mentadbir Produk dan Perkhidmatan Perbankan Runcit GXBank.

## 5. **Terma dan Syarat Umum**

- 5.1 Dengan menyertai Kempen, anda bersetuju dengan pengumpulan, pemprosesan dan penggunaan data peribadi anda oleh GXBank/Grab (ini merujuk kepada mana-mana entiti di bawah Grab, yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada, Myteksi Sdn Bhd, GrabCar Sdn Bhd, dan GPay Network (M) Sdn Bhd) selaras dengan [Dasar Privasi Data](#) GXBank dan [Notis Privasi Grab](#). Selain itu, anda bersetuju dengan penggunaan data peribadi anda oleh GXBank/Grab untuk:
- (a) tujuan yang berkaitan dengan Kempen; dan
  - (b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh GXBank, yang mungkin merangkumi pelbagai bentuk pengiklanan dan publisiti melalui media seperti akhbar, televisyen, radio dan platform dalam talian. Ini mungkin melibatkan penggunaan butiran daripada penyertaan anda, bahan temu bual, respons dan gambar yang berkaitan. Anda juga bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti yang berkaitan dengan Kempen.
- 5.2 Melainkan dinyatakan secara khusus dalam Terma dan Syarat ini, Kempen ini tidak boleh digabungkan dengan mana-mana promosi GXBank/Grab yang lain, dan tiada ganjaran tambahan akan ditawarkan.
- 5.3 Rekod transaksi yang diselenggara oleh GXBank dan keputusannya mengenai Kempen adalah muktamad dan mengikat. GXBank tidak diwajibkan untuk memberikan alasan atau terlibat dalam surat-menurut mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan Kempen.
- 5.4 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, dan melainkan disebabkan oleh kecuaian melampau atau salah laku yang disengajakan oleh GXBank/Grab, GXBank/Grab secara nyata mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan atau jaminan (sama ada tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan) mengenai Kempen. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, jaminan kualiti, kesesuaian untuk tujuan tertentu, dan yang disebut dalam media massa, pemasaran atau bahan pengiklanan.
- 5.5 Dengan menyertai Kempen, anda bersetuju bahawa GXBank/Grab tidak akan menerima apa-apa liability atau bertanggungjawab jika ia tidak dapat memenuhi mana-mana kewajipannya, secara keseluruhan atau sebahagian, disebabkan oleh keadaan di luar kawalannya. Ini termasuk kegagalan peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, isu elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, pandemik, tindakan Tuhan, atau sebarang peristiwa force majeure yang lain.
- 5.6 GXBank/Grab, pegawai, pekerja, wakil, dan ejennya (termasuk mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat untuk Kempen), tidak akan bertanggungjawab ke atas atau menerima apa-apa liabiliti dalam apa jua bentuk yang timbul daripada Kempen, sama ada secara langsung atau tidak langsung yang dialami oleh anda atau mana-mana pihak

ketiga, kecuali dalam kes kecuaian melampau atau salah laku yang disengajakan oleh GXBank/Grab khusus berkaitan dengan Kempen.

- 5.7 Anda bersetuju dan berjanji untuk menanggung rugi dan membebaskan pegawai, pekerja, wakil dan ejen GXBank/Grab terhadap sebarang tuntutan, prosiding, ganti rugi, kerugian dan kos (termasuk yuran guaman atas dasar ganti rugi) yang mungkin timbul berkaitan dengan atau akibat salah laku, kecuaian, salah nyata atau pelanggaran Terma dan Syarat ini.
- 5.8 GXBank/Grab tidak akan bertanggungjawab atau menerima apa-apa liabiliti ke atas sebarang kegagalan teknikal, gangguan, atau kesilapan (sama ada elektronik atau manusia) dalam pentadbiran atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi mudah alih GXBank ("**Aplikasi GXBank**") atau Applikasi Grab.
- 5.9 GXBank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi jualan oleh Visa International, MasterCard Worldwide, peniaga, pihak berkuasa pos atau telekomunikasi, atau mana-mana pihak lain, yang boleh mengakibatkan ketidakupayaan anda untuk menuntut ganjaran di bawah Kempen.
- 5.10 GXBank/Grab tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang salah tafsir atau salah nyata fakta mengenai Kempen oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan dalam mana-mana media, pemasaran, atau bahan pengiklanan.
- 5.11 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti, atau bahan lain yang berkaitan dengan Kempen, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.
- 5.12 GXBank berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa sebelum tamat Tempoh Kempen. Notis awal akan diberikan dengan menyiarkan di laman web GXBank di [gxbank.my/notices](http://gxbank.my/notices), melalui Aplikasi GX, atau dengan mana-mana kaedah lain yang ditentukan oleh GXBank. Sebarang pembatalan, penarikan balik, penggantungan, pelanjutan atau penamatan Kempen oleh GXBank tidak akan melayakkkan anda untuk sebarang tuntutan atau pampasan untuk kerugian atau gantirugi yang ditanggung sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan ini.
- 5.13 GXBank berhak untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah suai Terma dan Syarat ini, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa. Notis awal akan diberikan dengan menyiarkan di laman web GXBank di [gxbank.my/notices](http://gxbank.my/notices), melalui Aplikasi GX, atau dengan mana-mana kaedah lain yang ditentukan oleh GXBank.
- 5.14 Sebarang perkara yang tidak diliputi secara jelas oleh Terma dan Syarat ini akan ditentukan oleh GXBank mengikut budi bicara yang munasabah.
- 5.15 Terma dan Syarat ini ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia, dan anda bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.
- 5.16 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat ini dan versi dalam bahasa lain (termasuk Bahasa Malaysia), versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

- 5.17 Anda bersetuju untuk sentiasa menyemak laman web GXBank/Grab untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai Kempen dan Terma dan Syarat ini, termasuk sebarang notis daripada GXBank/Grab yang berkaitan dengan Kempen. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan penjelasan tentang Kempen atau Terma dan Syarat ini, sila hubungi wakil sah GXBank.
- 5.18 Untuk pertanyaan atau maklum balas mengenai Kempen, sila hubungi kami melalui fungsi sembang dalam Aplikasi GXBank, hubungi Khidmat Pelanggan kami di +603 7498 3188, atau e-mel kami di [ask@gxbank.my](mailto:ask@gxbank.my). Jika anda mengalami sebarang masalah berkaitan pengkreditan atau penebusan Ganjaran Kempen pada Aplikasi Grab anda, sila hubungi Khidmat Pelanggan Grab melalui fungsi sembang dalam Aplikasi Grab.